

2026



Utama Nasional Fokus ▾ Niaga Kes Global Arena Gemerlap Mandat ▾ BES+

TERKINI NI salur bantuan kepada pesawah terjejas

Belia Labuan digalak sertai SRS perkukuh keselamatan kejiranan

JBPM

Lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut direkodkan sehingga 31 Januari

🕒 7/03/2026 | 9:11 PM - 📁 NASIONAL



Foto hiasan

TANAH MERAH, 7 Mac – Jumlah baki Wang Tak Dituntut (WTD) yang direkodkan oleh Jabatan Akauntan Negara sehingga 31 Januari lalu, lebih RM13 bilion.

RINGKASAN BERITA AI

Kira-kira RM7 bilion masih berada dalam akaun amanah dan tersedia untuk dituntut oleh pemilik yang sah.

Baki lain telah dilaraskan ke dalam akaun hasil disatukan tetapi akan dibayar balik jika pemilik atau waris mengemukakan tuntutan.

Jabatan Akauntan Negara giat menganjurkan karnival, bas bergerak dan program semakan tanpa melantik ejen bagi mewakili penuntut.


Akauntan Negara, Datuk Zainani Jusoh berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM7 bilion masih berada dalam akaun amanah tak dituntut.

Beliau berkata, baki selebihnya telah dilaraskan ke dalam akaun hasil disatukan kerana tidak dituntut oleh pemilik atau waris dalam tempoh 10 tahun.

KATA KUNCI

JANM WTD

BERITA TERKINI




Putin sedia tawar bekalan minyak...

10 Mac 2026 2:17 am



PM Pakistan umum langkah...

10 Mac 2026 2:08 am



Pergaduan besar cemari aksi...

10 Mac 2026 1:58 am



Newcastle mahu ukir sejarah...

10 Mac 2026 1:51 am



SARI AI

10 Mac 2026 1:41 am



MOTAC pantau konflik Asia Barat,...

10 Mac 2026 1:33 am



Sahabat Penggerak...

10 Mac 2026 1:26 am

Bagaimanapun katanya, wang yang telah dilaraskan itu akan dibayar balik sekiranya ada permohonan tuntutan daripada pemilik atau waris.

"Jumlah keseluruhan Wang Tidak Dituntut yang dipegang oleh Jabatan Akauntan Negara sebagai pemegang amanah kini mencecah RM13 bilion. Daripada jumlah itu, kira-kira RM7 bilion masih tersedia untuk dituntut oleh pemilik yang sah.

DISYORKAN

MOTAC pantau konflik Asia Barat, rangka strategi tarik pelancong

Sahabat Penggerak MADANI salur bantuan kepada pesawah terjejas

Belia Labuan digalak sertai SRS perkukuh keselamatan kejiranan

JBPM Pahang tempatkan pasukan di lokasi strategik bersempena Aidilfitri

"Selebihnya telah dituntut atau telah melepasi tempoh tertentu sebelum diselaraskan ke akaun Hasil Kerajaan.

"Untuk makluman, Jabatan Akauntan Negara tidak pernah melantik mana-mana ejen bagi mewakili pihak penuntut dalam urusan tuntutan Wang Tidak Dituntut", katanya.

Beliau berkata, pihaknya giat mengadakan aktiviti dan karnival, selain menyediakan bas bergerak yang menjelajah ke seluruh negeri untuk memudahkan urusan orang ramai menyemak wang yang tak dituntut.

Beliau berkata kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI (KAM) Jabatan Akauntan Negara di Kampung Bukit Merah, Tanah Merah, Kelantan.

Dalam pada itu, Datuk Zainani berkata, pihaknya meneruskan program Kampung Angkat Madani (KAM) buat tahun ketiga bagi JANM.

Beliau berkata, untuk tahun 2024, pihaknya bermula di Nanga Tebat, Lubok Antu, Sarawak diikuti Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, Johor pada 2025.

Katanya, untuk tahun ini, pihaknya memilih Kampung Bukit Merah di Tanah Merah, Kelantan dengan peruntukan sebanyak RM500,000 telah diluluskan serta kerja naik taraf dapat dilaksanakan.

Antara projek naik taraf yang akan dilaksanakan melibatkan pembaikan kemudahan dan infrastruktur Masjid Al Iktikaf Ibnu Sina, Masjid Iktikaf Pakteh, pembelian kabin untuk pasukan Rukun Tetangga, baik pulih jalan kampung, pembesaran longkang, pemasangan lampu solar jalan dan pembaikan saluran air.

Beliau berharap kerja-kerja tersebut dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar penduduk Kampung Bukit Merah dapat menikmati pembaharuan yang dilaksanakan.



Belia Labuan digalak se

10 Mac 2026 2 am

MS



JBPM Pahang tempatkan...

9 Mac 2026 11:58 pm



Hampir 1,000 pengunjung daft...

9 Mac 2026 11:38 pm

MESTI BACA



PM puji dedikasi warga KPDN,...

9 Mac 2026 12:09 pm




Bayaran STR Fasa 2 diawalkan 10...

9 Mac 2026 10:40 am



Keputusan CAS tolak rayuan FAM...

9 Mac 2026 9:49 am



Operasi pencarian MH370 fasa kedu...

8 Mac 2026 1:45 pm



Dron berteknologi tinggi pantau...

SARI AI

